

## **UMT anjur Ragbi Terbuka Merdeka**

*sf 28/08/07 pg T22*

**KUALA TERENGGANU**

- Kelab Sukan Ragbi UMT dengan kerjasama Pusat Sukan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) akan menganjurkan Kejohanan Ragbi Terbuka Merdeka Kali Ke-4 pada 31 Ogos dan 1 September ini.

Penolong Pegawai Belia dan Sukan UMT, Jassmin Johari berkata, kejohanan selama dua hari itu akan diadakan di padang UMT, Mengabang Telipot, di sini dan dijangka akan disertai oleh 16 pasukan dari seluruh negeri ini.

"Peminat sukan ragbi berpeluang memenangi hadiah wang tunai berjumlah RM2,300 keseluruhannya.

"Juara kejohanan bakal membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000, diikuti naib juara RM800 dan RM300 di tempat ketiga," katanya ketika ditemui Sinar Harian semalam.